

08 SEP 1997

Mahathir-Mongolia

MAHATHIR BERLEPAS KE MONGOLIA (Dengan Gambar)

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Ulan Bator hari ini untuk lawatan selama empat hari ke Mongolia diikuti dengan lawatan tiga hari ke republik Kyrgyz.

Lawatan beliau itu bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama ekonomi dengan kedua-dua negara itu.

Beliau diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Rombongan perdana menteri itu termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, dan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom Datuk Leo Moggie.

Turut bersama ialah Menteri Kebudayaan, Seni dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat dan Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Ithnin.

Delegasi perniagaan seramai 66 anggota yang turut sama dalam lawatan Perdana Menteri itu diketuai oleh Ketua Eksekutif Malaysia Mining Corporation Berhad, Tan Sri Ibrahim Menudin.

Antara yang berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucap selamat jalan kepada Dr Mahathir dan rombongan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Di Mongolia, Dr Mahathir dijadualkan berbincang dengan rakan sejawatannya M.Enkhsaikhan dan juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian-perjanjian dua hala dan memorandum persefahaman.

Mongolia mempunyai jumlah penduduk seramai 2.5 juta million dan antara kegiatan ekonomi utamanya ialah pemprosesan makanan, tekstil, kimia dan simen.

Perdana Menteri dijangka pulang ke tanah air pada 14 Sept. -- BERNAMA  
ES WAT